

AYUH TEGAKKAN AHAMMUL WAJIBAT

Perkampungan Sunnah yang diadakan di Masjid Alwi, Kangar, Perlis pada 17-19 Jun lepas dikatakan mendapat sambutan luar biasa sehingga mencecah 20,000 pengunjung. Dengan tema “Bangkit Membela Sunnah”, program kali ini merupakan siri ke-7 setelah dua tahun tidak dapat diadakan akibat pandemik COVID-19. Menurut pengarah program tersebut, kebanyakan pengunjung adalah golongan muda yang sekali gus merupakan satu petanda positif bahawa golongan ini semakin berminat dengan program keagamaan dan ingin mencari kebenaran. Selain rakyat Perlis, program tersebut dikatakan turut mendapat sambutan daripada pengunjung luar negara seperti Thailand, Indonesia, Singapura dan Kemboja. Selain meriah dengan gerai-gerai jualan dan makanan, program tersebut juga dipenuhi dengan ceramah-ceramah agama oleh beberapa orang tokoh terkenal tanahair. Dari satu sudut, kita tidak menafikan bahawa jumlah pengunjung yang ramai menunjukkan ruhiyah umat Islam yang semakin tinggi terhadap program-program keagamaan. Namun dari sudut lain, kita juga tidak boleh menafikan terdapat sebahagian pengunjung yang datang hanya sebagai pemerhati atau faktor-faktor lain.

Maksud Sunnah

Sunnah tidak seharusnya difahami sebagai suatu yang berlawanan dengan bidaah, khurafat dan tahayul semata-mata walaupun hal ini memang penting. Pemahaman mengenai makna Sunnah dalam konteks yang benar sangat penting kerana ia akan meletakkan perjuangan untuk menegakkan Sunnah di atas landasan yang benar, dan tidak hanya terbatas kepada perjuangan melawan bidaah, khurafat atau tahayul.

As-Sunnah menurut bahasa ertinya adalah “jalan yang ditempuh”. Sedangkan menurut pengertian syarak, as-Sunnah kadang-kadang digunakan untuk menyebut suatu amalan nafilah yang kita terima dari Nabi (saw) melalui suatu riwayat. Namun penggunaan istilah “Sunnah” disini bukan bererti bahawa Sunnah itu berasal dari Nabi (saw), sedangkan fardhu itu datangnya dari Allah (swt). Apa yang benar adalah, baik fardhu mahupun Sunnah, kedua-duanya berasal dari Allah (swt). Ini kerana, Rasulullah (saw) tidak melakukan atau mengucapkan sesuatu kecuali apa yang diwahyukan kepadanya. Rasulullah (saw) adalah seorang *rasul* (utusan) dan *muballigh* (penyampai) dari Allah (swt).

Perlu difahami bahawa dua rakaat solat subuh adalah fardhu yang kita terima dari Nabi (saw) melalui riwayat mutawatir sebagai wajib (*fardhu*), manakala solat dua rakaat sebelum solat subuh adalah Sunnah yang kita terima dari Nabi (saw), juga melalui riwayat mutawatir, sebagai *nafilah*. Kedua-dua solat ini berasal dari Allah (swt), dan bukannya dari diri Rasulullah (saw). Perintah-perintah yang kita terima daripada Rasulullah (saw) itu boleh berupa *fardhu* dan boleh berupa *nafilah*. Dalam hal-hal yang berkaitan dengan ibadah, ia disebut *fardhu* dan *nafilah*, manakala dalam hal-hal selain ibadah (muamalat dan sebagainya) ia disebut *fardhu* dan *mandub*. Dengan kata lain, *nafilah* itu tidak lain adalah *mandub* itu sendiri, yang sering disebut dengan istilah “sunat”.

Justeru, penting untuk kita fahami di sini perbezaan antara “Sunnah” dan “sunat”. Walaupun dalam keadaan tertentu Sunnah itu boleh membawa maksud sunat dan sunat itu boleh membawa maksud Sunnah, namun pengertian Sunnah jauh lebih luas daripada itu. Penting untuk difahami bahawa istilah “Sunnah” juga digunakan untuk menyebut apa sahaja yang berasal dari Rasulullah (saw) berupa dalil-dalil syarak selain al-Quran, yang merangkumi setiap perkataan, perbuatan, dan *taqir* (persetujuan / diam)nya Rasulullah (saw).

Seluruh kehidupan Rasulullah (saw) itu, selain perbuatan yang bersifat *Jibiliyyah*, merupakan Sunnah yang seharusnya diikuti oleh setiap Muslim, yang boleh jadi termasuk dalam kategori wajib atau sunat berdasarkan nas-nas yang ditunjukkan olehnya. Jika Sunnah yang bersifat sunat sahaja sudah dituntut untuk diikuti oleh setiap Muslim, apatah lagi Sunnah yang bersifat wajib, yang menjadi wajib pula hukumnya untuk diikuti. Selain lima rukun Islam yang bersifat wajib, banyak lagi kewajipan lainnya berdasarkan Sunnah seperti kewajipan berdakwah, berjihad, menegakkan Negara Islam, memerintah negara dengan seluruh hukum yang diturunkan oleh Allah (swt) dan menyebarkan risalah Islam ke seluruh penjuru dunia. Ini semua adalah Sunnah yang wajib untuk diikuti.

Mendirikan Negara Islam sebagai Sunnah Terbesar

Selain perlu memahami makna Sunnah dalam konteks yang benar, antara persoalan penting yang juga perlu diketahui oleh umat Islam ialah, dalam sekalian banyak Sunnah Rasulullah (saw), Sunnah apakah yang terbesar? Walaupun setiap orang mungkin mempunyai jawapan atau pandangan yang berbeza, namun siapa pun yang mempunyai pemikiran yang mendalam dan jernih akan mengetahui bahawa Sunnah Rasulullah (saw) yang terbesar ialah mendirikan Negara Islam.

Rasulullah (saw) dan para Sahabat berjuang bermati-matian selama 13 tahun di Mekah dalam rangka mengajak manusia memeluk agama Allah (swt) dan melaksanakan seluruh hukum-hukum-Nya. Namun Rasulullah dan para Sahabat mendapat tentangan yang cukup hebat daripada kaum kafir Quraisy sehingga ada yang syahid, dipenjara, diseksa, diboikot, dihina, dilontar dengan pelbagai tohmahan dan sebagainya.

Dengan penentangan yang begitu keras khususnya daripada penguasa dan pembesar Quraisy, kaum Muslimin hidup dalam keadaan tertindas dan hukum Allah (swt) tidak dapat diterapkan di Mekah. Akhirnya Allah (swt) memerintahkan Rasul-Nya untuk berhijrah ke Madinah, dan di situlah berdirinya Negara Islam yang pertama di dunia di mana hukum Allah (swt) dapat diterapkan sepenuhnya sama ada dalam kehidupan individu, bermasyarakat dan bernegara.

Setelah kewafatan Rasulullah (saw), kaum Muslimin sepakat bahawa wajib adanya seorang Khalifah yang akan menggantikan kedudukan Rasulullah (saw) sebagai ketua

negara. Setelah terjadinya mesyuarat yang panjang di Saqifah Bani Sa'adah, kaum Muslimin akhirnya membaiah Abu Bakar sebagai Khalifah. Ijma' as-Sahabat telah membuktikan kepada kita betapa pentingnya kaum Muslimin memiliki seorang Khalifah, sehingga pengebumian jenazah Rasulullah (saw) telah tertunda selama tiga hari. Ternyata para Sahabat lebih mendahulukan pengangkatan seorang Khalifah berbanding mengebumikan jenazah Rasulullah (saw). Hal ini tidak mungkin terjadi kecuali status hukum mengangkat seorang Khalifah adalah lebih wajib didahulukan daripada menguburkan jenazah.

Atas dasar itulah, Umar al-Khattab begitu tegas dalam urusan pengangkatan Khalifah sehingga beliau mengarahkan agar dibunuh siapa sahaja yang belum sepakat mengangkat Khalifah setelah berlalunya tiga hari daripada kekosongan jawatan tersebut. Semasa Umar (ra) merasakan ajalnya akan tiba, beliau telah mencalonkan enam orang Sahabat untuk dipilih salah seorang daripadanya sebagai Khalifah. Umar (ra) berkata kepada keenam-enam calon tersebut:

"Apabila aku meninggal, bermesyuaratlah kalian selama tiga hari. Hendaknya Shuhaib yang mengimami solat orang ramai sehingga janganlah masuk hari keempat, kecuali kalian wajib sudah memiliki seorang amir (Khalifah)...kemudian Umar (ra) berkata kepada Shuhaib (ra), "Pimpinlah solat orang ramai selama tiga hari...jika lima orang telah bersepakat dan meredhai seorang (untuk menjadi Khalifah), lalu ada seorang yang menolak, maka penggallah leher orang yang menolak itu dengan pedang..." [Tarikh ath-Thabari, Juz 4, hal. 229].

Demikianlah sejarah Islam telah menukikan kepada kita peri pentingnya kewajipan mengangkat seorang Khalifah, yang mana sebaik sahaja meninggalnya Rasulullah (saw), Abu Bakar (ra), Umar al-Khattab (ra), Uthman bin Affan (ra), Ali bin Abi Thalib (ra) dan lain-lain, pengangkatan Khalifah yang berikutnya akan dilakukan terlebih dahulu sebelum hal-hal lain dalam negara diuruskan. Demikianlah juga pendapat para Ulama yang telah menukikan kepada kita di dalam kitab masing-masing akan kepentingan mengangkat seorang Khalifah yang mereka sifatkan sebagai *ahammul wajibat* (kewajipan yang paling utama) bagi kaum Muslimin.

Syeikh Ibnu Hajar al-Haitamiy al-Makkiy dalam kitab ash-Shawa'iqul Muhriqoh (Juz 1, hal. 55) menyatakan: *"Ketahuilah (juga) bahawa sesungguhnya para Sahabat (ra) telah berijma' (sepakat) bahawa mengangkat Imam (Khalifah) setelah tamatnya masa kenabian itu adalah wajib, bahkan mereka menjadikan kewajipan tersebut sebagai ahammul wajibat, di mana mereka lebih menyibukkan diri mereka dalam pengangkatan Imam tersebut berbanding memakamkan jenazah Rasulullah (saw), sedangkan perbezaan mereka (para Sahabat) dalam penetapan siapa yang ditunjuk tidaklah merosakkan ijma' yang disebutkan (di atas)".*

Imam Hasan al-Aththar, dalam Haasyiyah Jam'u al-Jawaami' (Juz 2, hal. 487) menyatakan: *"Wajib atas manusia mengangkat seorang Imam (khalifah) yang menegakkan kepentingan-kepentingan mereka seperti memperkuat benteng-benteng pertahanan, membentuk pasukan, mengalahkan para pemberontak dan perisik musuh serta para perompak, dan lain-lain. Kewajipan itu berdasarkan Ijmak as-Sahabat setelah wafatnya Nabi (saw) hingga mereka menjadikan itu sebagai ahammul wajibat dan mereka mendahulukan hal tersebut berbanding pengebumian jenazah Nabi (saw). Manusia pada setiap masa selalu berpendapat demikian (wajib mengangkat Imam/Khalifah)".*

Muhammad bin Ahmad as-Safarini al-Hambali, dalam kitabnya Lawaami al-Anwaar (Juz 2, hal. 419) menyatakan: *"Ulama-ulama kita, seperti selain mereka, berpendapat: Mengangkat Imam yang agung (Khalifah) adalah fardhu kifayah kerana para Sahabat (ra) telah berijma' bahawa mengangkat Imam (Khalifah) adalah wajib setelah berakhirnya zaman kenabian. Bahkan mereka menjadikan kewajipan tersebut sebagai ahammul wajibat, di mana mereka lebih menyibukkan diri dengan melaksanakan kewajipan tersebut berbanding kewajipan mengebumikan jenazah Rasulullah (saw). Perbezaan pendapat di antara mereka mengenai siapa yang paling layak memikul jawatan Khalifah tidak merosakkan ijmak mereka tersebut."*

Syamsuddin ar-Ramli, dalam kitabnya Ghayah al-Bayan: Syarhu Zubad Ibn Ruslaan (hal. 23) menyatakan: *"Wajib atas manusia untuk mengangkat seorang Imam (Khalifah) yang menegakkan kepentingan-kepentingan mereka seperti menerapkan hukum-hukum mereka (hukum Islam), menegakkan hudud mereka, memperkuat benteng-benteng pertahanan, membentuk pasukan, mengambil zakat, mengalahkan para pemberontak dan perisik musuh serta para perompak, memutuskan persengketaan mengenai pembahagian ghanimah dan sebagainya...Kewajipan ini berdasarkan ijma' as-Sahabat setelah wafatnya Nabi (saw) hingga mereka menjadikannya sebagai ahammul wajibat, dan mereka mendahulukan hal itu berbanding pengebumian jenazah Nabi (saw). Manusia pada setiap masa senantiasa berpendapat demikian (wajib mengangkat Imam/Khalifah)".*

Muhammad al-Hashkifi al-Hanafi, dalam kitabnya ad-Durr al-Mukhtaar Syarh Tanwir al-Abshaar (hal. 75) menyatakan dalam Bab al-Imamah: *"Imamah ada yang sugra (kecil) dan ada yang kubra (besar). Imamah al-Kubra adalah kelayakan (seseorang) dalam pengurusan umum atas manusia. Dan bab Imamah ini juga ada dalam pembahasan ilmu kalam. Mengangkat Imam (Khalifah) adalah ahammul wajibat. Atas dasar itu, para Sahabat mendahulukannya berbanding pengebumian jenazah pemilik mu'jizat (Rasulullah)".*

Masih banyak lagi pendapat Ulama lainnya mengenai kepentingan kaum Muslimin mengangkat seorang Khalifah, sebaik sahaja wujudnya kekosongan. Berdasarkan ijma' as-Sahabat dan juga pendapat para Ulama ini, maka sangat jelas bahawa Sunnah yang terbesar ialah mendirikan sebuah Negara Islam (Khilafah) yang dipimpin oleh seorang Khalifah yang dibaiah oleh kaum Muslimin. Kini, kita bukan lagi tiga hari tidak memiliki Khalifah, tetapi sudah lebih 100 tahun kita tidak memiliki seorang Khalifah setelah Khalifah terakhir, Sultan Abdul Majid II digulingkan pada tahun 1342H oleh pengkhianat Mustafa Kamal, dengan dibantu oleh kafir British.

Khatimah

Kita semua yakin bahawa menerapkan hukum Allah (swt) secara *kaffah* itu adalah wajib, dan mustahil hukum Allah (swt) ini dapat diterapkan secara *kaffah* tanpa adanya sebuah negara yang menerapkannya. Justeru, Muslim mana pun yang ingin menghidupkan kembali Sunnah, yang ingin memperjuangkan Sunnah dan yang ingin membela Sunnah, maka dia wajib berusaha untuk menegakkan Khilafah, kerana satu-satunya negara yang telah "disunnahkan" oleh Rasulullah (saw) untuk didirikan ialah Khilafah, bukannya negara demokrasi, teokrasi, monarki dan lain-lain. Dengan berdirinya Khilafah, insya Allah kita akan menyaksikan keseluruhan al-Kitab dan as-Sunnah akan kembali diterapkan dalam kehidupan bernegara. *Wallahu a'lam.*